



*Kerajaan
perkenal dasar
sewa sambil
menabung*

Bantu belia beli rumah

- 400 unit daripada 1,600 unit Projek Perumahan Rakyat (PPR) Sri Aman digunakan untuk Perumahan Transit Belia.

muka 2



*Tragedi
memilukan
kebakaran
pusat tahfiz*

muka 4

DIARI PARLIMEN

Jawapan Tan Sri Noh bin Haji Omar

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan



muka 5

*RM25 juta
baik pulih
pangsapuri
Taman Medan*

muka 6





SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

YBhg. Datuk Haji Mohammad Mentek

Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

KETUA EDITOR

Norhayati Abd. Manaf

Ketua Unit Komunikasi Korporat

PENOLONG KETUA EDITOR

Rosyila Abdul Latif

Pegawai Perhubungan Awam

Siti Mariani Ayob

Pegawai Perhubungan Awam

Nazirul Ikram Sirozi

Pegawai Komunikasi Strategik

Nadhilah Shariffuddin

Penolong Pegawai Perhubungan Awam

SIDANG PENGARANG

- Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
- Jabatan Perumahan Negara
- Jabatan Kerajaan Tempatan
- Jabatan Landskap Negara
- Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara
- Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)
- Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata
- Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- Bahagian Undang-undang
- Bahagian Dasar dan Inspektorat
- Bahagian Kewangan dan Perolehan
- Bahagian Akaun
- Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek
- Bahagian Khidmat Pengurusan
- Bahagian Keurusetiaan Strategik dan Hubungan Antarabangsa
- Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai
- Bahagian Kesejahteraan Bandar
- Bahagian Perkhidmatan Perbandaran
- Bahagian Sumber Manusia
- Bahagian Teknologi Maklumat
- Unit Audit Dalam
- Unit KPI
- Unit Integriti

PENERBIT

Unit Komunikasi Korporat



Bantu golongan belia kumpul duit beli rumah

Konsep sewa sambil menabung diperkenal

KERAJAAN memperkenalkan dasar sewa sambil menabung untuk projek Perumahan Transit Belia dalam usaha membantu golongan belia mengumpulkan duit untuk membeli kediaman sendiri.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh bin Haji Omar berkata, untuk permulaan 400 unit daripada 1,600 unit Projek Perumahan Rakyat (PPR) Sri Aman digunakan untuk Perumahan Transit Belia yang melaksanakan dasar itu.

"Melalui dasar sewa sambil menabung ini, belia akan menyewa PPR Sri Aman pada kadar RM500 dengan RM250 disimpan untuk tabungan mereka.

"Selepas lima tahun, apabila mereka perlu berpindah keluar ke rumah sendiri, mereka sudah ada tabungan sebanyak RM15,000," katanya ketika berucap pada majlis penyerahan kunci Projek Perumahan Rakyat (PPR) Sri Aman dan pelancaran Perumahan Transit Belia di Kepong, dekat Kuala Lumpur baru-baru ini.

Majlis tersebut disempurnakan oleh Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak dan turut dihadiri oleh bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah bin Ahmad Badawi.

Yang turut hadir Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Sri Tengku Adnan bin Tengku Mansor dan Ketua Wanita UMNO, Tan Sri Shahrizat binti Abdul Jalil.

Menurut Noh, daripada 1,600 unit rumah PPR Sri Aman itu, 1,000 diserahkan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk menempatkan semula penduduk setinggan.

"Sebanyak 400 unit untuk Perumahan Transit Belia, manakala baki 200 unit lagi pihak kementerian akan jual menggunakan konsep sewa beli," jelas beliau.



Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak menyerahkan replika kunci kepada salah seorang penerima (kiri) ketika merasmikan Majlis Penyerahan Kunci Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Pelancaran Rumah Transit Belia (RTB) Kuala Lumpur di PPR Sri Aman, Jinjang Utara, Kepong, dekat Kuala Lumpur, baru-baru ini.

» Melalui dasar sewa sambil menabung ini, belia akan menyewa PPR Sri Aman pada kadar RM500 dengan RM250 disimpan untuk tabungan mereka. - TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR



Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak menyerahkan replika kunci kepada salah seorang penerima (berkerusi roda) ketika merasmikan Majlis Penyerahan Kunci Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Pelancaran Rumah Transit Belia (RTB) Kuala Lumpur di PPR Sri Aman, Jinjang Utara, Kepong, dekat Kuala Lumpur, baru-baru ini. Turut kelihatan Tun Abdullah bin Ahmad Badawi, Tan Sri Noh Bin Haji Omar dan Dato' Sri Tengku Adnan bin Tengku Mansor.

Kerajaan tepati janji

KERAJAAN di bawah kepemimpinan Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak terus mengotakan janji untuk memastikan setiap golongan rakyat khususnya yang kurang berkemampuan memiliki kediaman sendiri.

Komitmen kerajaan itu boleh dilihat dengan jelas apabila pada Isnin lalu, Perdana Menteri merasmikan sebuah lagi Projek Perumahan Rakyat (PPR) iaitu PPR Sri Aman di Jinjang, Kepong. Projek itu meliputi 1,600 unit rumah berkeluasan 700 kaki persegi yang dibahagikan kepada tiga kategori.

PPR Sri Aman dibina di atas tapak berkeluasan 3.97 hektar membabitkan kos berjumlah RM216 juta.

Projek perumahan itu dilengkapi dengan Dewan komuniti, surau, taman asuhan, medan selera, blok tempat letak kereta dan kali pertama memperkenalkan ruang pengurusan jenazah bagi bukan Islam.

Perdana Menteri berkata, 1,000 unit dikhaskan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk menempatkan semula penduduk setinggan, 400 unit digunakan untuk Perumahan Transit Belia dan 200 lagi dijual Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan secara sewa beli.

"Setakat ini 83,759 unit PPR telah pun disiapkan. Kita ada 25,000 unit lagi dalam peringkat pelaksanaan dan akan siap dalam masa beberapa tahun lagi.

"Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM6 bilion untuk pembangunan PPR," katanya ketika berucap pada majlis Penyerahan Kunci PPR Sri Aman dan Pelancaran Perumahan Transit Belia di Kepong.

Yang turut hadir, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh bin Haji Omar; Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Sri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor serta Penasihat Pembangunan Keusahawanan dan Iktisad Wanita, Tan Sri Shahrizat binti Abdul Jalil.

Yang hadir sama, bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah bin Ahmad Badawi.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri menjelaskan, program PPR merupakan inisiatif kerajaan yang mengandungi nilai subsidi terbesar.

Katanya, bagi setiap unit PPR, harga jualan ditetapkan hanya pada kadar RM35,000 sahaja walaupun kos asalnya ialah antara RM120,000 hingga RM150,000.

"Contohnya PPR Sri Aman ini, kalau ikut harga pasaran, harga seunit dalam lingkungan RM200,000. Tetapi kerajaan menjualnya dengan harga RM35,000.

"Kita sebenarnya mahu tambah kekayaan atau aset kepada rakyat. Nilainya akan terus meningkat pada tahun akan datang dan jadi harta pusaka kepada keluarga," jelas beliau.





Orang ramai mengaminkan doa yang dibacakan oleh Imam Raudhatul Sakinah, Ustaz Al-Hafiz bin Ramli selepas bacaan taklin kepada 12 jenazah yang terkorban dalam kebakaran Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah di Tanah Perkuburan Raudhatul Sakinah, Gombak, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

24 nyawa terkorban

Tragedi memilukan kebakaran pusat tahfiz

TRAGEDI menyayat hati di Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah di Jalan Keramat Ujung, Kuala Lumpur pada 14 September lalu telah mengemparkan seluruh rakyat Malaysia.

Insiden kebakaran itu telah mengorbankan 22 orang pelajar pusat tahfiz tersebut yang berumur antara 11 dan 17 tahun serta dua orang guru.

Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi dan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh bin Haji Omar antara kenamaan yang mula-mula tiba di lokasi kejadian bagi meninjau keadaan di situ.

Yang di-Pertuan Agong, Sultan Muhammad V turut mencemar duli berangkat ke pusat tahfiz berkenaan keesokan harinya disusuli oleh Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak serta isteri, Datin Sri Rosmah binti Mansor.

Najib dalam kunjungan itu melahirkan rasa sedih dengan pemergian kesemua mangsa.

Beliau menyifatkan kejadian itu sebagai takdir Ilahi kerana pihak pengurusan pusat tahfiz berkenaan semanganya telah merancang untuk berpindah ke bangunan baharu dalam masa terdekat.

"Saya mewakili kerajaan mengucapkan takziah kepada keluarga mangsa. Bantuan akan diberikan oleh kerajaan, UMNO dan saya secara peribadi juga akan salurkan bantuan kerana anak-anak ini melakukan ibadat di rumah saya di Jalan Duta setiap malam Jumaat sejak sekian lama.



Tan Sri Noh bin Haji Omar bersama Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil mendengar penerangan daripada Mohd. Zahid bin Mahmood ketika hadir membuat lawatan keluarga mangsa kebakaran di Madrasah Ittifaqiyah, Datuk Keramat, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

"Kita akan beri kepada tiga kategori. Pertama, keluarga mangsa terkorban; kedua, mereka yang cedera dan ketiga, mereka yang terbabit dan mengalami trauma," katanya kepada pemberita dalam kunjungan itu.

Beliau turut memaklumkan bahawa Sultan Muhammad V turut menahirkan keprihatinan terhadap tragedi yang menimpa pusat tahfiz tersebut.

Najib dan isteri yang kemudiannya mengunjungi empat mangsa yang terselamat di Hospital Kuala Lumpur (HKL), meluahkan keyakinannya terhadap kepakaran di hospital tersebut untuk memulihkan mereka.

"Kita bersama-sama mendoakan su-



Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak melawat lokasi tragedi kebakaran Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah baru-baru ini.

pondok dan sekolah agama rakyat (SAR) dengan kerajaan-kerajaan negeri, demi kebaikan dan masa depan pelajar-pelajar di institusi berkenaan.

Pada masa sama katanya, beliau akan berbincang dengan Perdana Menteri supaya satu jawatankuasa dibentuk bagi menyelesaikan perkara tersebut.

"Meskipun Dasar Pendidikan Maa-had Tahfiz telah diwujudkan, namun penguatkuasaannya masih tertakluk di bawah bidang kuasa kerajaan negeri masing-masing.

"Kita tidak berniat untuk mencampuri hal-hal agama Islam di negeri-negeri tetapi saya berharap dalam hal ini, ketepikanlah soal perbezaan politik dan 'kabilah'.

"Kita tidak mampu lagi untuk melihat anak-anak kita mengalami lagi keadaan sebegini (tragedi) akibat piawaian keselamatan gagal dipatuhi pihak berwajib," katanya.

Dalam pada itu, Noh mengingatkan pengusaha pusat tahfiz supaya mengambil iktibar daripada insiden yang berlaku dan sentiasa mengutamakan keselamatan para pelajar.

Beliau meminta pengusaha tahfiz agar mendapatkan pandangan dan nasihat daripada pihaknya untuk memastikan tahfiz yang beroperasi mematuhi syarat yang telah ditetapkan.

"Dalam tempoh dua tahun kebelakangan ini, hampir 29 kes kebakaran melibatkan pusat tahfiz berlaku di seluruh negara.

"Kebanyakan (bangunan) tahfiz ini tidak mengikut peraturan," katanya kepada pemberita sewaktu melakukan kunjungan

ke lokasi kejadian baru-baru ini.

Kesemua 24 jenazah telah dibawa ke Surau Kuarters Hospital Kuala Lumpur (HKL) untuk disemahyangkan sebelum dituntut oleh keluarga masing-masing.

Sebanyak 21 jenazah disucikan secara tayamum manakala dua lagi dimandikan sebelum kesemua mayat dikafankan dan disemahyangkan secara berperingkat di surau berkenaan.

Sebelas jenazah mangsa dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Raudhatul Sakinah, Gombak, Kuala Lumpur yang turut menyaksikan ribuan hadir termasuk orang awam bagi memberikan penghormatan terakhir kepada mangsa.

Sementara itu, empat jenazah pelajar dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Jalan Ampang selain seorang di Tanah Perkuburan Islam Kampung Datuk Keramat.

Di samping itu, atas permintaan keluarga dan waris, empat lagi jenazah pelajar masing-masing dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Jalan Kuari, Cheras Baru; Tanah Perkuburan Islam Taman Kosas, Ampang; Tanah Perkuburan Islam Jalan Klang Lama, Taman Medan dan Tanah Perkuburan Islam Puchong, Kuala Lumpur.

Jenazah seorang pelajar dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Paroi Jaya, Seremban, Negeri Sembilan.

Selain itu, dua jenazah guru yang juga merupakan warden pusat tahfiz itu masing-masing dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Pangkalan Kubur, Kelantan dan Tanah Perkuburan Islam di Felda Besout 4, Sungkai, Perak.



Dialog Sehati Sejiwa bincang isu kejiranan

ISU-isu hal ehwal kejiranan menjadi agenda penting dalam program Dialog Sehati Sejiwa 2017 yang berlangsung pada 17 September 2017 bagi memastikan pengurusan dan keselamatan kawasan perumahan berada dalam keadaan yang baik dan terkawal.

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah binti Mohamed Sadique menjadi salah seorang panel dalam dialog antara persatuan penduduk di Parlimen Johor Bahru yang dipengerusikan oleh Ahli Parlimen Johor Bahru, Tan Sri Shahrir Abdul Samad.

Dialog itu membincangkan isu-isu berkaitan dengan kawasan kejiranan yang berkawal, berpagar, soal keselamatan dan kebakaran seperti:

- Melanggar palang pondok kawalan keselamatan
- Permit sementara mendirikan pondok kawalan keselamatan
- Tapisan keselamatan pelawat
- Cukai pintu
- Kutipan sampah
- Meletak kereta di tempat yang tidak sepatutnya
- Kediaman yang dijadikan home-stay

Dialog yang diadakan di Dewan Serbaguna Taman Sri Tebrau itu turut dihadiri Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar), Zamri bin Salleh; Datuk Bandar Johor Bahru, Tuan Haji A. Rahim bin Haji Nin; Ketua Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLAN Malaysia), Datuk Zainuddin bin Ahmad; Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan, Mohammad Ridzwan bin Abidin; Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Bomba dan Penyelamat Malaysia, Datuk Haji Soiman bin Jahid dan Timbalan Ketua Polis Daerah Johor Bahru Selatan (II), Supt. M. Kumar S. Muthuvelu.

Seramai 100 orang wakil daripada persatuan penduduk di Parlimen Johor Bharu menghadiri dialog tersebut antaranya persatuan penduduk Kebun Teh, Muhibbah, Majidee Park, Sri Intan, Serene Park, Jan dan Warga Unggul.



Datuk Halimah bin Mohamed Sadique hadir dalam Dialog Sehati Sejiwa diiringi Zamri bin Salleh, Tuan Haji A. Rahim bin Haji Nin, Datuk Zainuddin bin Ahmad, Mohammad Ridzwan bin Abidin, Datuk Haji Soiman bin Jahid dan Supt. M. Kumar S. Muthuvelu.



Tan Sri Noh bin Haji Omar mengadakan lawatan berkenaan permasalahan di Flat PKNS, Taman Datuk Harun Petaling Jaya, Selangor, baru-baru ini.

RM25 juta baik pulih pangsapuri Taman Medan

TIGA pangsapuri kos rendah di kawasan Taman Medan menerima peruntukan hampir RM25 juta bagi kerja-kerja baik pulih fasiliti dan kemudahan pangsapuri.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh bin Haji Omar berkata, peruntukan itu meliputi Pangsapuri Taman Medan Cahaya, Pangsapuri Perangsang Permai dan Flat Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) Taman Datuk Harun.

"RM14 juta daripada peruntukan tersebut dibelanjakan untuk membaiki tangki air dan lif di Pangsapuri Taman Medan Cahaya.

"Sementara di Pangsapuri Perangsang Permai pula, kerajaan membelanjakan sebanyak RM500,000 dan RM280,000 bagi menaik taraf kemudahan surau dan padang futsal yang akan memberi manfaat kepada kira-kira 1,000 orang penduduk," katanya.

Tambahnya, kerajaan juga memperuntukkan sebanyak RM7 juta untuk membina semula perparitan, tangki air, pagar dan gelanggang sukan di Flat PKNS Taman Datuk Harun.

"RM4.5 juta daripada jumlah itu bagi menggantikan bumbung kediaman yang rosak. Bajet sudah ada dan kita jangka projek tersebut akan dilaksanakan secepat mungkin.

"Kesemua perbelanjaan itu membuktikan keprihatinan kerajaan dalam mengambil berat segala permasalahan yang dihadapi rakyat walaupun dihalang oleh Kerajaan Negeri Selangor," katanya.

Dalam pada itu, seorang penduduk Flat PKNS Taman Datuk Harun, Nursyam-sinar binti Jaafar, 43, berkata, dia melahirkan rasa syukur atas bantuan itu yang diharap dapat menangani permasalahan berlaku sejak sekian lama.

"Sejak menetap di sini seolah-olah tiada sesiapa pun ambil tahu. Saya harap dengan pembinaan semula fasiliti ini dapat mengurangkan pelbagai masalah antaranya pembiakan nyamuk akibat air bertakung," katanya.

Seorang lagi penduduk, Ramlah binti Hasyim, 59, berkata, hanya ucapan terima kasih dan terharu atas bantuan tersebut dalam membaiki bumbung kediaman penduduk yang bocor dan sering ditakungi air hujan.



Tan Sri Noh bin Haji Omar menunjukkan jalan yang ditakungi air di sekitar Flat PKNS, Taman Datuk Harun Petaling Jaya, Selangor.



Tan Sri Noh bin Haji Omar bersama penduduk Flat PKNS, Taman Datuk Harun Petaling Jaya.

BICARA MENTERI



Pembangkok ditampelak, cuba politikkan isu kebakaran pusat tahfiz

TERLEBIH dahulu saya merakamkan rasa kesedihan mendalam dan ucapkan takziah kepada waris mangsa yang terkorban dalam tragedi kebakaran Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah, Kuala Lumpur baru-baru ini. Ia adalah satu tragedi yang menggemparkan negara dan cukup menyayat hati.

Bagaimanapun saya kecewa dengan sikap pembangkang khususnya Penasihat DAP, Lim Kit Siang yang saya anggap cuba mempolitikkan isu ini.

Dalam kenyataannya beliau dengan sewenang-wenangnya menuding jari ke atas saya berikutan musibah yang menimpa pusat tahfiz tersebut.

Menerusi catatan diblognya, Kit Siang berkata, saya wajar dipecat daripada jawatan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) ataupun sekurang-kurangnya dipindahkan ke kementerian lain kerana kegagalan menjalankan tanggungjawab memastikan

'kesejahteraan bandar'.

Begitu juga dengan dakwaan kerajaan tidak membela pusat-pusat tahfiz ini yang dilontarkan oleh pemimpin-pemimpin pembangkang lain.

Sebelum saya berhujah lebih lanjut, saya ingin bertanya kepada Kit Siang, kenapakah beliau tidak mendesak anaknya, Lim Guan Eng meletakkan jawatan atas tuduhan rasuah? Kenapakah dalam soal kebakaran pusat tahfiz itu beliau begitu mudah mahu menyuruh saya meletakkan jawatan?

Dalam kes pusat tahfiz, kementerian saya sememangnya sentiasa mengambil berat soal tersebut sebab itulah kita menggalakkan mereka menubuhkan pasukan bomba sukarela dengan harapan ia dapat membantu mereka apabila berlaku kebakaran.

Begitu juga Kerajaan Pusat, peruntukan RM30 juta yang diberikan untuk pusat tahfiz adalah tanda keprihatinan kerajaan.

Peruntukan ini telah diagihkan

kepada pusat tahfiz-pusat tahfiz, oleh itu tuduhan tidak memberi pembelaan adalah tidak benar. Kerajaan sentiasa beri sokongan untuk pembangunan pusat tahfiz untuk wujudkan generasi yang berilmu dunia dan akhirat.

Kita sudah ada MRSM ulul albab yang saya lancarkan ketika saya menjadi Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan kita juga sudah ada sekolah asrama penuh ulul albab. Mereka ini terdiri daripada pelajar-pelajar tahfiz. Ini sejajar dengan perancangan kerajaan mahu mewujudkan generasi yang berstatus profesor dan ulama.

Bagaimanapun aspek keselamatan kita tidak abaikan, sebab itulah KPKT mewujudkan Skwad Sukarelawan Bomba Tahfiz dengan harapan pelajar dapat diberi kesedaran betapa pentingnya langkah-langkah mencegah kebakaran.

Oleh itu, gesaan Kit Siang yang mahukan saya meletakkan jawatan berikutan apa yang berlaku adalah bermotifkan politik semata-mata.

Apapun saya tidak mahu membuang masa untuk melayan kerenah pembangkang. Apa yang lebih penting ialah memikirkan apa lagi yang boleh dilakukan oleh kementerian saya bagi memastikan keselamatan pusat-pusat tahfiz.

Sebab itulah apabila tercetusnya tragedi tersebut saya mengarahkan Jabatan Bomba dan Penyelamat melakukan pemeriksaan di pusat-pusat tahfiz seluruh negara bagi memastikan keselamatan mereka.

Dan saya juga percaya salah satu syor oleh Pasukan Petugas Khas Sekolah-Sekolah Tahfiz iaitu spesifikasi bangunan ditentukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Bomba dan agensi penguat kuasa adalah membolehkan KPKT memainkan peranan lebih besar lagi dalam menentukan keselamatan pusat-pusat tersebut.

TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR
Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

SENYUM SIKIT

Oleh MARO





Program Rent-to-Own

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh bin Haji Omar menyampaikan kunci rumah kepada salah seorang pemohon yang berjaya semasa Majlis Pelancaran Taman Desa Ara Permai dan Penyerahan Kunci Program *Rent-to-Own* Taman Desa Ara, Tasek Gelugor, Pulau Pinang pada 19 Ogos 2017.



Taklimat

KETUA Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Haji Mohammad bin Mentek memberikan taklimat ringkas mengenai penyediaan Program Perumahan Rakyat (PPR) Langkawi kepada Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak dan Menteri Besar Kedah, Dato' Sri Diraja Ahmad Bashah bin Md. Hanipah semasa Majlis Pelancaran PPR Langkawi, Kedah pada 19 Ogos 2017.



Serah kunci

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh bin Haji Omar menghadiri Majlis Ramah Mesra dan Penyerahan Kunci Program Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang II, Selangor pada 21 Ogos 2017.



Penarafan bintang

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh bin Haji Omar sedang memperkatakan sesuatu dalam Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Jawatankuasa Penduduk Sesi 2017-2019 dan Penganugerahan Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan 2016 bagi Negeri Perak yang disempurnakan oleh Menteri Besar Perak, Dato' Sri Diraja Dr. Zambry bin Abdul Kadir di Pusat Persidangan Ipoh, Perak pada 14 Ogos 2017.



Watikah pelantikan

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah binti Mohamad Sadique bersama Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesejahteraan Bandar Negeri Terengganu, Dato' Mohd. Jidin Bin Shafee (mewakili YAB Menteri Besar Terengganu) yang menyempurnakan Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan dan Sesi Townhall bersama Jawatankuasa Perwakilan Penduduk Negeri Terengganu Sesi 2017-2019. Seramai 1,414 orang anggota JPP Negeri Terengganu menerima watikah selepas dilantik bagi penggal kedua untuk tempoh dua tahun pada 19 September 2017.



Swafoto

KETUA Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Haji Mohammad bin Mentek berswafoto bersama warga SWCorp, Maskot Hijau dan para sukarelawan selepas sesi taklimat berkaitan Inisiatif Hijau Program Pengurangan Sisa Pepejal bersempena dengan Sukan Sea Kuala Lumpur 2017 di hadapan Stadium Bukit Jalil, Kuala Lumpur pada 29 Ogos 2017.



Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan dan Sesi Townhall

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah binti Mohamad Sadique bersama 240 orang Pengerusi, Setiausaha dan Ahli Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) Negeri Perlis yang menerima watikah pelantikan yang disampaikan oleh Menteri Besar Perlis, Dato' Sri Azlan bin Man dalam Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan dan Sesi Townhall bersama Jawatankuasa Perwakilan Penduduk Negeri Perlis Sesi 2016-2018 pada 14 September 2017.



Sesi Townhall

Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Haji Mohammad bin Mentek (tengah) bersama Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, Dato' Sri Zohari bin Akob (kanan) dan Ketua Eksekutif Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Dato' Ir. Ahmad 'Asri bin Abdul Hamid sempena sesi Townhall mengenai mekanisme mewajibkan IBS dalam industri pembinaan di Pusat Konvensyen CIDB, Jalan Chan Sow Lin, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Penggiat industri landskap digesa pupuk bakat baharu tempatan

PARA penggiat industri landskap di negara ini digesa supaya memupuk bakat-bakat baharu tempatan dan menerokai potensi mereka sepenuhnya dalam sektor itu.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh bin Haji Omar berkata, usaha itu bagi membangunkan sumber manusia dan modal insan dalam negara sekali gus menjadikan Malaysia sebagai negara taman terindah menjelang 2020.

"Saya difahamkan, melalui perengkaan Jabatan Statistik Malaysia pada 2016 bahawa industri landskap menyumbang antara 20 hingga 30 peratus daripada pendapatan pekerjaan asing sektor binaan tahun 2010.

"Alangkah baiknya sekiranya kita sendiri dapat membangunkan sumber manusia dan modal insan dalam negara khususnya dalam sektor landskap.

"Kita mesti melihat contoh terbaik yang telah diamalkan di negara-negara maju yang mana mereka membangunkan sumber manusia dan mempromosikan pembangunan inovatif melalui percambahan idea baharu dalam kalangan generasi muda selari dengan manifestasi Transformasi Nasional 2050 (TN50) yang diilhamkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak," katanya.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara, Esa bin Ahmad sempena majlis perasmian Persidangan dan Ekspo Landskap Asia 2017 anjuran EG Group Holdings di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Persidangan dan ekspo landskap yang julung kali dianjurkan di peringkat Asia itu turut melancarkan kempen *Live Green Box*, sebuah projek tanggungjawab sosial korporat (CSR) bagi memupuk kesedaran generasi muda untuk menanam, melindungi

dan memelihara warisan sumber alam negara yang serba hijau.

Menurut Noh, *Live Green Box* adalah selaras dengan dasar kerajaan seperti yang dinyatakan dalam Dasar Landskap Negara yang telah dilancarkan pada 2010.

Beliau memberitahu, Jabatan Landskap Negara telah menjalankan beberapa kempen seumpama itu seperti Kempen Tanam Pokok dan Program Rakan Taman.

"Sehingga hari ini Jabatan Landskap Negara telah membina sebanyak 49 buah taman awam dan rekreasi di seluruh negara dengan jumlah keluasan keseluruhan 13,638 hektar sekali gus menyumbang 20.7 peratus daripada jumlah sasaran keluasan lapang pada 2020.

"Ini adalah manifestasi dan komitmen kerajaan serta semua peringkat masyarakat termasuk sektor swasta dalam memastikan kita dapat hidup dalam persekitaran yang cantik, selesa

dan selamat," katanya.

Dalam pada itu, beliau menyeru penggiat industri landskap supaya memperbanyakkan serta mengoptimumkan sumber-sumber semula jadi yang terdapat di negara ini untuk kesejahteraan rakyat.

Dengan kepelbagaian sumber itu, kata beliau, pendapatan ekonomi negara dapat dipelbagaikan dengan melabur dalam industri landskap seterusnya mempromosikan industri pertanian serta pelancongan negara.

"Kita mesti meneroka potensi ini untuk mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dalam sektor swasta dan kerajaan.

"Saya yakin bahawa kerjasama erat antara kerajaan dan swasta dalam pelaburan industri landskap akan memberi hasil yang lebih baik, bukan sahaja dari segi ekonomi tetapi juga mewujudkan persekitaran hidup yang mampan," katanya.



Pelbagai program seperti kempen, pameran, mesyuarat dan taklimat telah diadakan bagi mendidik masyarakat berkenaan dengan pengurusan strata.

Akta 757 tingkatkan kualiti pengurusan strata

SKIM strata merupakan sebuah skim pembangunan hartanah mengikut sistem pengurusan yang telah ditetapkan dengan membahagikan bangunan atau tanah kepada petak-petak, petak aksesori dan harta bersama seperti rumah pangsa, kondominium, *town house*, rumah kedai, pejabat, pejabat kecil atau pejabat rumah (SOHO), kompleks perniagaan dan *landed* strata.

Setakat ini, statistik terkini penduduk strata di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan merangkumi 19,923 dengan jumlah petak sebanyak 1,751,248 unit.

Seiring dengan pembangunan berkonsepkan bangunan berstrata yang semakin banyak disebabkan oleh harga tanah yang semakin meningkat dan ruang tapak pembangunan tanah yang semakin terhad, kerajaan melihat

terdapat keperluan untuk akta yang berkaitan dengan pengurusan strata diperkukuhkan.

Sehubungan dengan itu, Akta Pengurusan Strata (Akta 757) telah dibentangkan dan diluluskan di Parlimen pada November 2012 dan telah mendapat perkenan Yang Dipertuan Agong pada 5 Februari 2013 dan diwartakan pada 8 Februari 2013.

Akta 757 mula berkuatkuasa pada 1 Jun 2015 bagi menggantikan Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyelenggaraan dan Pengurusan) 2007 (Akta 663).

Akta ini digubal bagi memastikan keseragaman undang-undang dan dasar berkenaan Kerajaan Tempatan berhubung dengan pengurusan dan penyelenggaraan bangunan berstrata dan harta bersama bermula dari peringkat penyerahan milikan kosong sehingga ke

peringkat selepas perbadanan pengurusan diwujudkan.

Berikutan penguatkuasaan Akta 757 dan penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Pengurusan Strata (Tribunal Pengurusan Strata) 2015 pada 1 Julai 2015, Tribunal Pengurusan Strata telah diwujudkan bagi mendengar dan menentukan apa-apa tuntutan dan pertikaian mengenai pengurusan dan penyelenggaraan bangunan berstrata seperti mana yang diperuntukkan dalam Jadual Keempat, Akta 757 dan bidang kuasa Tribunal adalah terhadap ke atas tuntutan tidak melebihi RM250,000.00.

Dengan penguatkuasaan Akta 757, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan yakin ianya akan memperkasakan komuniti strata dan seterusnya meningkatkan kualiti pengurusan dan penyelenggaraan bangunan berstrata.

ASPEK-ASPEK AKTA 757 YANG DITAMBAH BAIK

- ✓ Undang-undang yang lebih komprehensif
- ✓ Pemfailan jadual petak kepada Pesuruhjaya Bangunan (COB)
- ✓ Jawatan Timbalan COB diwujudkan
- ✓ Tribunal Pengurusan Strata (TPS) diwujudkan
- ✓ Peruntukan penguatkuasaan komprehensif dan kadar penalti bagi setiap kesalahan dinaikkan
- ✓ Penyediaan formula unit syer
- ✓ Peruntukan berkenaan penubuhan perbadanan pengurusan subsidiari dan harta bersama terhad
- ✓ Penyelarasan kaedah mesyuarat agung
- ✓ Penyelarasan kaedah peralihan badan (Pemaju/JMB/MC)
- ✓ Penyeragaman kaedah-kaedah pelaksanaan
- ✓ Peruntukan kutipan caj penyenggaraan daripada penyewa
- ✓ Proviso Menteri untuk pengecualian
- ✓ Prosedur khusus insuran bangunan
- ✓ Mekanisma rayuan yang seragam



Esa bin Ahmad melihat sebahagian pameran landskap selepas perasmian Persidangan dan Ekspo Landskap Asia 2017 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di Kuala Lumpur, baru-baru ini.



Papan tanda yang memberi peringatan kepada penduduk terhadap tanggungjawab yang perlu dilaksanakan.



Para peserta membuat pendaftaran ketika hadir dalam mesyuarat Agung Tahunan JMB/MC bagi pemilik petak Pangsapuri Kenanga, Taman Putra Perdana.

Saluran
Aduan
KPKT

Aduan dalam talian melalui laman web KPKT:
www.kpkt.gov.my

Laman web Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar:
www.nohomar.my

E-mel Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar:
aduanmenteri@kpkt.gov.my

Talian aduan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal (SWCorp): **03-83124040**

Aduan PBT menerusi aplikasi telefon pintar iKepoh:
<http://ikepoh.kpkt.gov.my/>

Facebook **KPKT MALAYSIA**

Instagram **KPKT**

Twitter **@kpkt_gov**

YouTube **KPKT Malaysia**

Portal Talian Indahkan Malaysia (aduan kutipan sampah):
<http://www.aduansisa.my/>

Talian Aduan Kutipan Sampah dan Pembersihan Awam:
1-800-88-7472

JBPM laksana pemeriksaan keselamatan di sekolah tahfiz

MERUJUK kepada tragedi kebakaran Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah yang berlaku di Jalan Keramat Ujung, Kuala Lumpur pada 14 September 2017.

Beberapa tindakan segera telah diambil oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) seperti berikut:

■ Skwad Bomba Tahfiz telah ditubuhkan pada Mei 2017 bagi menyediakan latihan khusus untuk meningkatkan kesedaran mengenai kebakaran dalam kalangan pelajar selain mempersiapkan mereka sebagai pasukan bertindak awal sekiranya berlaku kebakaran.

■ Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh bin Haji Omar telah mengarahkan JBPM untuk melaksanakan pemeriksaan keselamatan ke atas sekolah tahfiz dan pondok agama rakyat. Bangunan akan ditutup sekiranya tidak menepati piawaian keselamatan yang ditetapkan.

■ JBPM mengadakan hebahan kepada masyarakat supaya menyalurkan sebarang maklumat mengenai pusat tahfiz untuk tujuan pemeriksaan keselamatan.



Keratan
Utusan
Malaysia
pada 15
September
2017 lalu.

SARANAN OLEH JABATAN BOMBA DAN
PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)

* SALURKAN MAKLUMAT SEKIRANYA MEMPUYAI ANAK YANG BELAJAR DI INSTITUSI PENDIDIKAN AGAMA (SEKOLAH PONDOK, MAAHAD TAHFIZ DAN SEKOLAH AGAMA RAKYAT)

* BAGI TUJUAN PEMERIKSAAN KESELAMATAN KEBAKARAN

SILA SALURKAN NAMA, NOMBOR TELEFON
DAN ALAMAT INSTITUSI BERKENAAN MELALUI:

www.bomba.gov.my www.facebook.com/BombaMalaysia999

[@bombaJBPM](https://twitter.com/bombaJBPM) korporat.bomba@1govuc.gov.my **03-8892 7940**

MRT SUNGAI BULOH-KAJANG:
JIMATKAN WAKTU PERJALANAN RAKYAT

MENJIMATKAN MASA DENGAN FREKUENSI
3.5 MINIT
KEKERAPAN TREN PADA WAKTU PUNCAK

MRT SBK YANG HANYA MENGAMBIL MASA
88 MINIT
UNTUK PERJALANAN PERGI DAN BALIK

MENJIMATKAN MASA
BERSESUAIAN DENGAN GAYA HIDUP
MASYARAKAT DI BANDAR

#JomNaikMRT
#SayangMRTku

www.kpkt.gov.my [@kpkt_gov](https://twitter.com/kpkt_gov)
[kpkt](https://www.instagram.com/kpkt) [kpkt](https://www.facebook.com/kpkt) [kpkt](https://www.youtube.com/kpkt) **KPKT Malaysia**

Al-Fatihah

DATUK ABDUL RAHIM BIN ISHAK
KETUA PENGARAH JABATAN PERUMAHAN NEGARA
21/06/1962 - 16/08/2017

SALAM TAKZIAH DARIPADA SELURUH WARGA
KERJA KPKT BUAT KELUARGA ALLAHYARHAM.
SEMOGA ROHNYA DITEMPATKAN DI KALANGAN
ORANG-ORANG YANG BERIMAN,
INSYA-ALLAH.

SALAM
MAAL HIJRAH
1439H

TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR

MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN.
AHLI MAJLIS TERTINGGI UMNO MALAYSIA.
PENGURUSI BADAN PERHUBUNGAN UMNO SELANGOR.
PENGURUSI MAJLIS TINDAKAN PERSEKUTUAN NEGERI SELANGOR.
KETUA UMNO BAHAGIAN TANJONG KARANG.



Pasukan tenpin boling unggul di Sukan Para ASEAN Ke-9

PASUKAN tenpin boling negara terus unggul pada hari kedua acara boling Sukan Para ASEAN Ke-9, Kuala Lumpur 2017 di Mega Lanes Sunway di sini baru-baru ini apabila memperoleh empat lagi pingat emas dalam tiga kategori yang dipertandingkan.

Pemain perseorangan wanita TPB4 (kurang upaya intelektual), Nur Syazwani binti Marias meraih emas selepas menjatuhkan 1,015 pin diikuti rakan se-negara, Eliyana binti Johari yang mengu-

tip 927 pin, mengatasi 863 jatuhan pin pemain Singapura, Diana Neo yang membawa pulang pingat gangsa.

Dalam saingan beregu campuran TPB1/3 (buta sepenuhnya dan sebahagian), Muhamad Hairul bin Miran dan Mohd. Rizal bin Hassan menambah koleksi emas keduanya sejak semalam apabila mencatatkan sebanyak 1,967 jatuhan pin.

Gandingan beregu campuran terus cemerlang kali ini dalam kategori TPB9 (kecacatan fizikal kaki) apabila

Abu Bakar bin Nyat dan Azrin bin Rahim memperoleh sebanyak 2,489 pin secara keseluruhan.

Rahman Bava Kutty dan Amin bin Rashid melengkapkan pingat emas keempat Malaysia apabila menjatuhkan 2,469 pin sekali gus menjuarai saingan beregu campuran TPB10 (kecacatan fizikal tangan) menewaskan gandingan Filipina dan Thailand.

Sementara itu, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh bin Haji Omar berka-

ta, beliau yang hadir bagi menyampaikan pingat kepada pemenang cukup kagum dengan prestasi dan semangat yang ditunjukkan oleh atlet-atlet tenpin boling negara.

"Saya kagum dengan semangat atlet kita yang menyapu bersih pingat emas dalam tiga kategori.

"Walaupun mereka atlet istimewa tapi semangat juang tinggi untuk mengharumkan nama negara itu amat saya kagumi. Tahniha kepada atlet boling dan semua atlet Malaysia," katanya.



Tan Sri Noh bin Haji Omar bergambar bersama pemenang pingat acara tenpin boling kategori wanita di Sukan Para ASEAN Ke-9 di Sunway Mega Lanes, Petaling Jaya, Selangor, baru-baru ini.



Tan Sri Noh bin Haji Omar bergambar bersama pemenang pingat acara tenpin boling di Sukan Para ASEAN Ke-9 di Sunway Mega Lanes, Petaling Jaya, Selangor, baru-baru ini.

Pasukan Selangor akan bangkit di Kedah - Abdul Rauf

WALAUHUN keputusan peringkat suku akhir pertama Piala Malaysia 2017 di Stadium Selangor memihak kepada pasukan Lang Merah, Kedah namun ia langsung tidak mengusarkan pasukan Selangor untuk berjuang habis-habisan di Stadium Darul Aman pada 24 September ini.

Turun sebagai juara bertahan, Kedah berjaya membawa bekalan satu gol dalam aksi timbal balik tersebut dan sebagai sebuah pasukan yang berpengalaman dalam Piala Malaysia, Selangor sudah pasti sedang mengatur strategi untuk bangkit di tempat lawan.

Menurut Pengurus Pasukan Selangor, Abdul Rauf bin Ahmad, perlawanan suku akhir pertama di Selangor sudah pun berakhir dan momentum semasa perlawanan tersebut seharusnya tidak terbawa-bawa hingga perlawanan suku akhir kedua di Kedah.

"Selangor sepatutnya tidak dianggap menempah laluan sukar apabila bertandang ke Kedah dalam suku akhir kedua Piala Malaysia minggu depan selepas tumpas 2-3 dalam aksi pertama di tempat sendiri.

"Sebagaimana yang saya sering tekankan kepada semua pemain, setiap perlawanan adalah perlawanan yang baharu dan keputusan baharu akan tercapai," katanya kepada Buletin KPKT semasa dihubungi di sini baru-baru ini.

Abdul Rauf berkata demikian bagi mengulas kekalahan pasukan Gergasi



Merah dan perancangan pasukan bagi menghadapi Pasukan Kedah pada 24 September ini.

Beliau berkata, buat masa ini perediaan berjalan baik dengan semangat yang tinggi dalam kalangan pemain untuk menebus kekalahan di gelanggang sendiri tempoh hari.

"Para pemain berlatih seperti biasa dan kegagalan tempoh hari seharusnya

tidak memberi kesan negatif kepada pemain malahan menyuntik semangat kepada mereka untuk membuat persediaan dengan lebih jitu.

"Berdasarkan komitmen yang ditunjukkan oleh pemain, kesemua mereka tidak kira pemain senior, pemain muda dan pemain import ingin memberi yang terbaik sewaktu pertemuan antara kedua pasukan 24 September ini. Insya-Allah," katanya.



KEDUDUKAN LIGA SUPER 2017

PASUKAN	P	M	S	K	J	K	MATA
JDT	20	15	3	2	48	16	48
Pahang	20	11	3	6	42	25	36
Kedah	20	9	7	4	43	29	34
Felda	20	9	6	5	33	22	33
SELANGOR	20	8	6	6	28	25	30
Perak	20	8	6	6	28	30	30
PKNS	20	6	6	8	31	34	24
T-Team	20	7	4	9	30	44	22
Melaka	20	5	6	9	30	42	21
Kelantan	20	6	3	11	28	38	18
Sarawak	20	4	5	11	20	32	17
P. Pinang	20	3	3	14	15	39	12

Setakat 21 September 2017

Untuk rekod, pertemuan antara kedua pasukan sentiasa menjanjikan pertembungan yang sengit, kedua pasukan pernah bersaing pada perlawanan akhir Piala Malaysia 2008 yang menyaksikan Selangor tewas 2-3.

Namun pada tahun 2015, Lang Merah berputih mata apabila Selangor melancarkan dendam dengan menewaskan mereka 2-0 untuk menjuarai

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh bin Haji Omar (dua dari kiri) diiringi Datuk Nasaruddin bin M. Zain (tiga dari kiri) meninjau siling salah sebuah flat di Taman Kem yang pecah dalam Program Perjumpaan Mesra Rakyat bersama Menteri KPKT di Klang, Selangor, baru-baru ini.



KPKT terus bantu, lulus peruntukan RM8.56 juta

MASALAH infrastruktur yang dihadapi penduduk rumah pangsa di sekitar kawasan Klang terus mendapat perhatian daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Bagi mengatasi masalah tersebut, KPKT telah meluluskan peruntukan sebanyak RM8.56 juta termasuk membaiki pulih dua rumah pangsa dan satu pangsapuri di Pelabuhan Klang.

Menterinya, Tan Sri Noh bin Haji Omar berkata, daripada jumlah itu, sebanyak RM5 juta akan disalurkan kepada penduduk di Rumah Pangsa Taman Kem yang mempunyai lima blok bangunan

Atasi masalah penduduk rumah pangsa

yang menempatkan 500 unit kediaman.

Menurut beliau, peruntukan itu akan digunakan untuk membaiki bumbung, pagar koridor, menukar tangki dan mengecat flat tersebut.

"Bangunan flat ini telah berusia 34 tahun dan kebanyakan infrastrukturnya telah usang dengan bumbung dan tangki bocor, selain menjadi sarang nyamuk

dan tikus.

"Saya sedih melihat penduduk di sini yang terpaksa hidup dalam keadaan yang cukup daif dengan persekitaran yang sangat tidak selesa," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan kerja ke Rumah Pangsa Taman Kem di sini baru-baru ini.

Yang turut hadir, Ketua UMNO Bahagian Klang, Datuk Nasaruddin bin M. Zain.

Mengulas lanjut, Noh memberitahu, selain bantuan membaiki pulih flat, beliau turut meluluskan peruntukan sebanyak RM500,000 lagi untuk membina gelanggang futsal berbumbung yang turut berfungsi sebagai dewan serbaguna di rumah pangsa berkenaan.

"Selain itu, peruntukan sebanyak RM60,000 lagi turut diluluskan untuk membaiki pulih surau yang berusia 34 tahun di rumah pangsa ini," jelasnya.

Dalam pada itu, Noh memberitahu, baki RM3 juta daripada peruntukan tersebut akan disalurkan kepada Rumah Pangsa Taman Teluk Gedung Indah dan Pangsapuri Pendamar di Taman Kota Pendamar.

"Dana itu akan digunakan untuk membaiki lif dan bumbung di rumah pangsa dan pangsapuri berkenaan yang telah lama rosak," jelasnya.

Sementara itu, Noh pada masa sama turut mempersoalkan skim baik pulih perumahan atau Skim

Ceria yang diperkenalkan oleh kerajaan PKR Selangor yang dianggapnya menyusahkan rakyat selain banyak perkara yang diumumkan oleh kerajaan negeri tidak dapat dilaksanakan seperti yang dijanjikan.

"Ini dasar (Skim Ceria) yang menyusahkan rakyat, saya ada bukti penduduk di Rumah Pangsa Taman Kem telah menunjukkan saya surat tawaran Skim Ceria daripada kerajaan negeri dengan peruntukan RM500,000.

"Malangnya skim itu tidak dapat dilaksanakan kerana penduduk perlu menanggung sejumlah 20 peratus daripada jumlah itu. Mana rakyat miskin nak cari?" soalnya.



Tan Sri Noh bin Haji Omar (kanan) diiringi Ketua UMNO Bahagian Klang, Dato' Nasaruddin Bin M. Zain (kiri) meninjau tangki air Flat Taman Kem yang uzur dalam Program Perjumpaan Mesra Rakyat Bersama Menteri KPKT di Klang, Selangor, baru-baru ini.



Tan Sri Noh bin Haji Omar beramah mesra dengan warga emas penduduk Flat Taman Kem dalam Program Perjumpaan Mesra Rakyat Bersama Menteri KPKT di Klang, Selangor, baru-baru ini.



JBPM laksana pemeriksaan keselamatan di sekolah tahfiz *muka 12*

Buletin

Bandar

24 SEPTEMBER 2017 • 5 MUHARAM 1439



Penggiat industri landskap digesa pupuk bakat baharu tempatan

muka 10



Pasukan Selangor akan bangkit di Kedah - Abdul Rauf

muka 14

KPKT lulus peruntukan RM8.56 juta

Atasi masalah penduduk rumah pangsa

"Bangunan Flat Taman Kem ini telah berusia 34 tahun dan kebanyakan infrastrukturnya telah usang dengan bumbung dan tangki bocor, selain menjadi sarang nyamuk dan tikus. Saya sedih melihat penduduk di sini yang terpaksa hidup dalam keadaan yang cukup daif dengan persekitaran yang sangat tidak selesa."

TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

muka 15

